




27 28 29

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 35 RABU 29HB. OGOS, 1973 1393 رابو 1 شعبان PERCHUMA



Y.A.M. Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bersabda sebelum merasmikan Pameran Senilukis Kebangsaan Brunei Pertama pada hari Rabu lepas.

Pelukis2 di-seru bergiat dalam bidang senilukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengawal Kastam dan Bea, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah menyeru pelukis2 muda tempatan supaya terus bergiat dalam bidang seni lukis, dengan memperlihatkan bakat2 mereka yang bermutu.

Yang Amat Mulia itu bersabda demikian ketika merasmikan Peraduan Senilukis Kebangsaan Brunei yang Pertama 1973 di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan pagi tadi.

Yang Amat Mulia itu mengharapkan peraduan2 seperti itu bukan saja di-adakan sa-takat pameran2 dalam negeri bahkan juga pelukis2 itu sudah mampu, sanggup dan berkebolehan menyertai pameran2 yang berchorak antara bangsa di-luar negeri berdasarkan karya2 mereka yang ada pada hari ini.

Timbalan Pengawal Kastam dan Bea itu menekankan kepada pelukis2 tempatan sama ada mereka yang telah lama bergiat untuk mempopularkan senilukis atau mereka yang baru munchol, supaya menumpukan sa-penoh2 tenaga dan usaha ka-arrah membanyakkan lagi hasil2 karya mereka demi kepentingan bangsa dan negara Brunei Darus Salam.

Di-samping itu, Yang Amat Mulia itu juga mengucapkan tahniah kepada pelukis2 yang berjaya dan mendapat hadiah2 dalam

(Lihat muka8)

DYMM MENYAKSIKAN PERTUNJOKAN MENEMBAK

TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat ke-kawasan latehan menembak di-Bintuaran Daerah Tutong untuk menyaksikan satu pertunjukan chara2 menyerang dan mempertahankan dalam peperangan pada pagi semalam.

Anggota2 yang mengambil bahagian dalam pertunjukan itu ia-lah pasukan pembantu dari Pasukan ke-enam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifle di-bawah perintah Kapitan Purna Bahadur Gurung.

Senjata2 yang di-gunakan dalam pertunjukan itu termasuklah senjata2 kelengkapan machinegun, 81mm mortar dan 120mm combat (anti tank gun).

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan rumbongan telah berangkat tiba di-Bintuaran dengan menaiki tiga buah pesawat helikopter AMDB pada jam 11.15 pagi.

Ketibaan Baginda ka-kawasan latehan itu telah di-alu2kan oleh Pegawai Pemerintah Ke-enam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles, Lt. Col. C.J. Scott dan Pemerintah Kedua Support Company, Kapitan Purna Bahadur Gurung.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah juga menembak satu target jarak jauh lebih tiga suku batu (1,150 meter) dengan menggunakan 120mm combat anti-tank gun dan mengenakan target itu hanya dengan satu tembakan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin juga turut melepas-

(Lihat Muka 8)



Malam Bahasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Malam Bahasa bagi penuntut2 bukan Melayu di-Sekolah2 China dan Misi akan di-adakan di-Dewan Raya, Bandar Seri Begawan pada 8hb. September mulai jam 7.00 malam.

Isi-nya akan di-rasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohamad Jamil Al-Sufri.

Antara acara yang akan dipersembahkan termasuklah sharahan, drama oleh penuntut2 Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, tarien oleh penuntut2 Sekolah Menengah Chung Ching, Seria dan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dan peraduan kuiz antara sekolah2 Daerah Brunei-Muara dan Belait.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Temenggong Awang Lim Cheng Co.

Istiadat Bersuroh Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Bersuroh Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah dengan Yang Mulia Pengiran Muda Tahiruddin telah berlangsung di-Balai Pemajangan Istana Darul Hana pada minggu lalu.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah ia-lah anakda kepada Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin sementara Yang Mulia Pengiran Muda Tahiruddin ada-lah anakda kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Saifuddin.

Berangkat hadir di-Istiadat Bersuroh Diraja itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran

(Lihat muka 5)

ISTIADAT Pengistiharaan Gelaran kepada Major Pengiran Dato Setia Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apeng telah di-langsungkan di-Lapau Bandar Seri Begawan pada hari Isnin lepas.

Major Pengiran Dato Setia Ibnu sekarang di-kenali sa-bagai Yang Mulia Pengiran Datu Penghulu.

Istiadat Pengistiharaan Gelaran telah di-laksanakan di-hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Surat Pengistiharaan Gelaran telah di-bacakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Haji Md. Yusof dan do'a selamat telah di-bacakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Udana Khatib Haji Tamin.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-Istiadat tersebut ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Penasehat Umum kebawah D.Y.M.M.; Yang Teramat Berhormat P.O.K. Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir2; Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria; Pengiran2 dan Pehin2.

Gambar atas menunjukkan Istiadat Pengistiharaan Gelaran sedang di-jalankan di-Lapau pada hari Isnin lepas.

PANCHARAGAM ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI (SIRI TERAKHIR) oleh — ALIDIN OTHMAN

DI-BILEK latehan pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, beberapa orang anggota pancharagam itu telah sempat saya temui dan mengadakan wawanchara dengan mereka.

Orang yang mula2 saya temui ialah Pengarah Muzik pancharagam tersebut, Kapitan B.M. Thomas. Beliau mula berkhidmat dengan pasukan ini pada 26hb. Mach, 1973. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang muzik.

Kapitan Thomas sudah pandai bermain alat muzik ketika berumur 9 tahun dan alat muzik utama ia-lah CORNET. Sa-belum menjadi Bandmaster, beliau ada-lah sa-orang anggota pancharagam tentera British sa-lama 7½ tahun. Dan mempunyai pengalaman sa-bagai Bandmaster sa-lama 11 tahun, 7½ tahun sa-bagai Bandmaster Cavalry Band dan jawatan yang akhir sa-belum datang ka-Brunei ia-lah sa-bagai Bandmaster Brigade Band Training Depot, Exeter, England. Jawatan ini di-pegang-nya sa-lama 3½ tahun.

Bandsman Kassim bin Ampal, berasal di-Kampung Subok dan telah berkhidmat sejak pancharagam ini di-tubuhkan dalam tahun 1963. Beliau mendapat latehan asas muzik ketika berada di-perkhemahan Segenting, Port Dickson. Pada masa ini Bandsman Kassim bermain horn ketika 'marching' dan timpani dalam konset. Sa-belum bermain horn beliau pernah bermain side drum sa-lama lebeh kurang empat tahun dan di-tukar untuk bermain horn kerana kurang-nya anggota2 yang boleh memainkan alat ini.

Bandsman Kassim pernah menyertai rombongan pancharagam ini ketika mengadakan pertunjukkan di-United Kingdom dan Australia. Beliau merasa gembira kerana berpeluang ka-luar negeri dan bagi-nya sa-chara tidak langsung dapat menambahkan pengalaman-nya dalam bidang muzik.

Di-tanya tentang pengalaman-nya tatkala mula2 menjadi anggota pancharagam ini, beliau mengatakan, "mula2 memang susah kerana belum mengetahui tentang selok belok muzik, tetapi sa-telah di-pelajari dengan tekun, masalaah ini sedikit demi sedikit dapat di-atasi".

L/Cpl. Pg. Masri bin Pg. Hitam — pemain Euphonium yang berasal dari Kampung Menengah, Temburong juga menjadi anggota pancharagam ini sejak di-tubuhkan pula mencheritakan yang beliau pernah bermain alat muzik dalam kumpulan The Hunters sa-belum memasoki pancharagam. Ketika itu beliau masih lagi berkhidmat dalam C Kompeni AMDB.

Sa-waktu mula2 menjadi anggota pancharagam AMDB, L/Cpl. Pg. Masri tidak boleh membaca not. "Mula2 saya belajar not, saya merasa sukar untuk menguasai-nya kerana belum tahu tentang perjalanan not. Ini di-tambah pula dengan, masalaah bahasa sebab kebanyakan lagu2 yang di-pelajari ada-lah dalam bahasa Inggeris. Bagaimana pun dengan tunjok ajar dari pegawai2 kanan dalam pancharagam, membaca not tidak lagi menjadi satu masalaah yang besar".

Menyentuh tentang masa depan, L/Cpl. Pg. Masri mengatakan beliau ingin terus berkhidmat dalam pancharagam ini, sa-lagi tenaga-nya di-kehendaki.

"Saya tertarik memasoki Pancharagam AMDB kerana minat saya dalam muzik sejak dari kecil lagi" kata Sgt. Manaf bin Hj. Khamis. Berasal dari Lumapas dan mendapat di-dikendahkan di-Sekolah Melayu SMA, Bandar Seri Begawan. Sgt. Manaf memasoki pancharagam ini dalam pengambilan



Sgt. Manaf bin Haji Khamis bermain flute dan piccolo.

yang kedua dan mendapat latehan asas muzik di-Perkhemahan Segenting, Port Dickson. Beliau mula2 belajar muzik dari sa-orang jurulatih bangsa Melayu.

Dalam Pancharagam AMDB, Sgt. Manaf bermain Flute dan Piccolo. Di-samping itu beliau juga bermain gitar utama dalam Kugiran AMDB — POP GROUP.

Tentang tugas-nya sa-bagai anggota Pancharagam, Sgt. Manaf menyatakan, "saya sungguh2 bergembira walau pun tugas saya yang ada sekarang berat".

Chita2 Sgt. Manaf di-masa2 yang akan datang ia-lah ingin bergiat terus dalam seni muzik.

Pemain Bell, L/Cpl. Join Antin, berasal dari Ukong, Tutong dan pernah menuntut di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, juga mendapat latehan asas dari orang dan tempat yang sama seperti ra-



Cpl. Jokmin Tunggul.



Bandsman Kassim bin Ampal bermain timpani dalam konset dan horn dalam marching.

Di-samping menjadi Drum Major, Sgt. Hussain bin Abd. Razak juga bermain horn dalam konset.

kan2-nya yang tiga orang tadi dan telah pun berkhidmat sa-lama 7 tahun dengan pancharagam ini.

Dalam konset, L/Cpl. Join bermain clarinet dan menjadi salah sa-orang pemain gitar (gitar bass) dalam POP GROUP AMDB.

L/Cpl. Ak. Razali Pg. Hj. Md. Said menerangkan, "saya telah berkhidmat dengan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, sa-lama 11 tahun dan 6 tahun daripada-nya di-bahagian pancharagam. Sa-belum itu saya berkhidmat dalam C Kompeni".

Berasal dari Kampung Telanai dan pernah menuntut di-Sekolah St. George, Bandar Seri Begawan, L/Cpl. Ak. Razali mencheritakan, "saya memasoki pasukan Pancharagam kerana minat saya dalam seni muzik dan minat saya itu mula mendalam sa-telah saya dan kawan2 menubuhkan kugiran The Hunters. Pada masa ini saya menjadi anggota POP GROUP AMDB sa-bagai pemain ORGAN.

Dalam marching L/Cpl. Ak. Razali bermain side drum dan dalam konset beliau bermain glockenspiel yang kedua2-nya merupakan alat2 bahagian 'percussion'.

Tentang tugas2 sa-harian pula, "saya sungguh gembira dan tidak merasa jemu. Kalau tidak ada tugas2 luar kami hanya berlatih dari jam 8 pagi sa-hingga 12 tengahari dan dari 2 hingga 4 petang."

Saperti juga dengan Pancharagam Polis Diraja Brunei Pancharagam AMDB, juga mempunyai sa-orang DRUM MAJOR yang bertugas membawa CHOK-MAR sa-tiap kali Pancharagam ini mengadakan perbarisan2 dan perarakan2. Orang yang di-tugaskan sa-bagai Drum Major ia-lah Sgt. Hussin bin Abdul Razak yang berasal dari Kampung Pelambayan. Sgt. Hussin telah berkhidmat dengan Pasukan Pancharagam AMDB sa-lama 7 tahun dan sa-belum itu berkhidmat dalam Rifle Kompeni sa-lama 4 tahun. Bila di-tanya kenapa-kah beliau bertukar ka-pasukan pancharagam, Sgt. Hussin menjawab, "sa-mata2 kerana minat dalam muzik."

Dalam konset, Sgt. Hussin bermain horn, salah satu alat penting dalam Pancharagam Tentera.

Sgt. Hussin belum pernah mengikuti kursus muzik di-luar negeri tetapi pernah mengikuti rombongan pancharagam ini dalam lawatan ka-luar negeri dalam tahun2 1970 dan 1971.

Sa-orang lagi anggota pancharagam AMDB yang sempat berwawanchara dengan saya ia-lah Cpl. Jokmin Tunggul yang bermain Cornet. Beliau telah berkhidmat dengan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei sa-lama 12 tahun.



Mula2 Cpl. Jokmin berkhidmat dengan HQ. Kompeni dan memasoki pasukan pancharagam dalam tahun 1964.

Menurut Cpl. Jokmin, "mula2 saya belajar not dan alat muzik, saya mendapati sukar untuk mempelajari-nya. Bagaimanapun sekarang saya sudah dapat membaca not dan memainkan alat muzik yang di-serahkan kepada saya".

Cpl. Jokmin berchita2 untuk mengikuti kursus muzik di-luar negeri jika di-beri peluang.

Cpl. Pg. Petra bin Pg. Anak Hashim ada-lah sa-orang veteran dalam pasukan ini. Pernah menuntut di-Sekolah Melayu SMA, dan Maktab SOAS, beliau memasoki Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dalam pengambilan ketiga dalam tahun 1961 sa-bagai askar biasa dan kemudian memasoki pasukan pancharagam.

Cpl. Pg. Petra ada-lah Drum Major yang pertama bagi pasukan ini dan kemudian menjadi pemain



L/Cpl. Pg. Masri pemain alat Euphonium.

tenor saxophone sa-hingga sekarang. Beliau bermain alat ini dalam 'marching' dan konset.

Bandsman Ak. Md. Salleh Pg. Md. Said, pemain side drum ada-lah salah sa-orang anggota baru Pancharagam AMDB. Berasal dari Kg. Pekan Lama dan pernah menuntut di-Maktab SOAS sa-hingga Tingkatan 3, Bandsman Ak. Md. Salleh baru saja berkhidmat sa-lama 1½ tahun dan mendapat latehan di-Brunei.

Sa-lain dari bermain side drum, beliau juga bermain OBOE dalam konset.

(Lihat muka 6)



L/Cpl. Join bin Antin.

SA-TIAP tahun dengan kedatangan bulan Rajab yang mana hari ini kita sedang berada di-dalam-nya, tidak sunyi sa-bahagian besar umat Islam mengadakan sambutan2 untuk memperingati Isra' dan Meraj Nabi Muhammad s.a.w. Sambutan2 itu ada yang dimaksudkan hanya sa-bagai menurut adat kebiasaan, ada yang ingin menchari pahala ganjaran dan ada pula yang hendak mengambil pelajaran dan sebagai-nya.

Kita tidak mengatakan membaca riwayat Isra itu menchari pahala atau ganjaran, tetapi yang terutama sekali ada-lah mengambil pelajaran dari apa yang telah di-perlihatkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. serta menambah ketaqwaan iman dan kechergasan kita beramal dengan ajaran2 Uagama kita dengan berulang kali-nya kita memperingati peristiwa Isra' dan Me'raj itu.

Maka pada hari ini pun mari-lah kita mengambil satu dua pengajaran yang terdapat dari peristiwa sejarah yang luar biasa itu semoga akan ada kebaikan-nya untuk kita.

Di-masa Isra' Nabi Muhammad s.a.w. itu telah di-perlihatkan kepada junjongan kita beberapa pemandangan dan chontoh tauladan guna-nya supaya menjadi peringatan dan pengajaran bagi umat di-kemudian-nya. Sunggohpun apa2 yang telah di-lihat oleh junjongan kita itu tidak dapat di-lihat di-dunia kita ini tetapi di-tunjukkan juga kepada Nabi sa-belum tiba masa-nya supaya dengan demikian semua akan dapat memberi keinsafan kepada kaum muslimin. Maka dari pemandangan2 yang di-tunjukkan kepada Nabi itu terdapat-lah beberapa pengajaran2, tamsil ibarat dan chontoh tauladan yang semua-nya patut benar di-jadikan peringatan oleh kaum muslimin.

Di-antara chontoh tauladan itu, junjongan kita telah melihat satu kaum mereka menanam sa-hari dan mengetam sa-hari pula, tiap2 di-ketam kembali seperti sediakala, mereka berterus2an menanam dan mengetam sahaja. Ini adalah chontoh dan tamsil dari orang2 yang kuat dan gemar bersedekah dan berderma yang mana ganjaran-nya sunggoh berlipat ganda. Allah Subhanahu-Wataala juga ada menyatakan di-dalam firman-nya yang bermaksud:

"Perumpamaan orang2 yang gemar dan kuat bersedekah pada jalan Allah dan untuk kebaikan itu, seperti satu biji benih yang menumbuhkan tujuh tangki menumbuhkan 100 buah, Allah menggandakan pahala kepada siapa yang disukai-nya. Bahawasa-nya maha luas kurniaan-nya lagi maha mengetahui".

Kapada junjongan kita telah di-perlihatkan pula sa-kumpulan manusia yang amat budoh sekali nampak-nya, mereka menghentok2kan kepala-

nya sa-hingga pechah dan hanchor serta berlumoran darah, tiap2 telah pechah dan hanchor kemudian kembali sediakala, kemudian di-hentokkan lagi, hanchor lagi, bagitu-lah kerja mereka tidak berhenti2. Ini ada-lah satu perumpamaan dari orang yang melupakan kewajipan sembahyang, lalai menunaikan sembahyang lima

waktu yang di-wajibkan kepada umat Islam. Firman Allah yang bermaksud:

"Mereka mensia2kan sembahyang yang di-wajibkan atas mereka, serta hanya mengikutkan hawa nafsu sahaja, maka tetap-lah mereka akan di-limparkan ka-dalam satu lobang neraka".

Dari dua pemandangan ter-

sebut nyata-lah kapada kita bahawa orang yang tiada sa-yang kapada harta dan wang ringgit kerana bersedekah atau membelanjakan-nya pada jalan2 yang berkebajikan tetap-lah akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Manakala orang yang lalai daripada mengerjakan sembahyang tetap-lah akan di-balas dengan seksa di-akhirat kelak. Sebenar-nya maseh banyak pemandangan2 lain yang telah di-tunjukkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan tentu-lah kita tiada berkesempatan menyebutkan-nya satu persatu. Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kepada umat Islam supaya mengambil pengajaran yang berguna dari peristiwa Isra' dan Me'raj itu buat meneguhkan lagi iman dan keta'atan kita berbakti kapada Allah dan memberikan sumbangan yang berarti kapada masharakat dan negara.

Peraduan membaca Quran peringkat Daerah Br/Muara 31hb. Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan membaca ayat2 suchi Al-Quran orang dewasa perengkat Daerah Brunei-Muara akan di-adakan di-Sekolah Melayu Lela Menchana, Kampong Ayer pada hari Jumaat 31hb. Ogos mulai jam 8.00 pagi.

Peraduan tersebut di-anjor-kan oleh Jabatan Hal-Ehwal Uagama dan di-kelolakan buat pertama kali-nya oleh Persatuan Kampong Saba — PERKASA. Peraduan itu ia-lah bagi memilih wakil daerah tersebut ka-peraduan membaca Quran perengkat seluruh negeri yang akan di-adakan tidak beberapa lama lagi.

Peraduan tersebut akan di-rasmikan pembukaan-nya oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin manakala hadiah2 akan disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Sahibol Irshad Pengiran Haji Damit bin Pengiran Anak Sabtu.

Sa-ramai 16 orang qari dan qariah yang mewakili kawasan2 Brunei Satu, Dua dan Tiga akan mengambil bahagian dalam peraduan tersebut. Kawasan Brunei Satu akan diwakili oleh lapan orang peserta, sementara kawasan Brunei Dua dan Tiga masing2 di-wakili oleh 4 orang peserta.

Kawasan Brunei Satu akan diwakili oleh Awang Haji Mashud bin Awang Damit, Awang Mornee bin Sanai, Awang Metussin bin Mohammad, Awang Othman bin Pehin Udana Khatib Haji Md. Tamin, Hajjah Dayang Damit bin Mohd. Yusof, Dayangku Rosnah binte Pengiran Sulaiman, Dayang

Armah bte. Abidin dan Dayang Ropiah bte. Ahmad.

Kawasan Brunei Dua akan diwakili oleh Awang Jumat bin Hj. Nayan, Awang Abdul Ghafar bin Ghani, Dayang Saadiah bte. Md. Hussain dan Dayangku Mariam bte. Pengiran Zaini.

Manakala Awang Jalin bin Hj. Mustafa, Awang Mukim bin Awg. Hassan, Dayang Aisah bte. Begawan Mudim Dato Haji Adnan dan Dayang Siti Hamidah bte. Awang Angkat akan mewakili kawasan Brunei Tiga.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29hb. Ogos, 1973 hingga ka-hari Selasa 4hb. September, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
29hb. Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
30hb. Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
31hb. Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14	
1hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
2hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
3hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
4hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Wakil2 Belait Dua

SERIA. — Bahagian Belait Dua telah memilih dua orang qari dan dua qariah untuk mewakili bahagian itu ke-peraduan membaca Quran perengkat Daerah Belait yang akan di-adakan di-padang KBRC Kuala Belait pada 1hb. September.

Mereka ia-lah Awang Abdullah bin Mohsin, Awang Suhaili bin Pulong, Sharifah Masturah binte Wan Musa dan Dayang Zaharah binte Isa.

Ke-empat2 orang itu di-pilih dalam peraduan membaca Quran Bahagian Belait Dua di-Mesjid Jame' Seria pada malam Jumaat lepas.

Peraduan itu telah di-rasmikan oleh Nazir Sekolah2 Uagama Daerah Belait, Awang Zarkashi bin Haji Mohamed Yusof, sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh Kadhi Daerah Belait, Abang Haji Razali bin Abang Haji Zainuddin.



KHUTBAH JUMA'AT



(29hb. Ogos, 1973).

PERDAMAIAN

PENDIDIKAN untuk perdamaian, ada-lah di-antara beberapa tema yang menjadi topik utama dalam perbincangan Pertubuhan Guru2 Sa-Dunia yang berlangsung di-Kenya, Nairobi awal bulan ini.

Tajuk perbincangan itu sengkaja di-pilih untuk di-perbincangkan kerana menyesuaikan pergolakan dunia yang ada pada hari ini untuk mengamalkan sifat2 persefahaman di-kalangan antara bangsa.

Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menghantar sa-orang perwakilan-nya untuk menghadiri persidangan yang berlangsung sa-lama sa-minggu mulai 1hb. Ogos lalu dan persidangan itu telah di-hadiri oleh lima ratus orang perwakilan dan pemerhati dari Pertubuhan Guru2 seluruh dunia (World Confederation of Organisations of the Teaching Profession).

President Kenya, Mzee Jomo Kenyatta, ketika berucap sa-jurus sa-belum merasakan persidangan itu telah mengulitkan kedatangan seluruh kaum Guru yang menjadi ahli WCOTP yang datang dari pelusok dunia.

Kata-nya, Kerajaan dan rayat Kenya mengucapkan terima kasih atas penghormatan yang telah di-berikan yang mana negara itu telah terpilih menjadi tuan rumah bagi persidangan tersebut.

Apa yang kita harapkan dari hasil persidangan itu bahawa sa-kurang2-nya satu motif baru dalam pengalaman akan menambahkan kesan yang baik terhadap pendidikan di-Brunei, lebeh2 lagi kertas kerja yang di-binchangkan itu di-tulis oleh pakar2 pendidikan yang sudah sekian lama berkecimpung di-arena pendidikan dan pelajaran.

Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang juga menjadi ahli WCOTP telah rapat kali menghantar perwakilan-nya untuk menghadiri persidangan sa-umpama itu bahkan PGGMB pernah di-satu ketika dulu telah di-minta untuk menyiapkan satu kertas kerja mengenai pendidikan di-Brunei untuk di-binchangkan dalam persidangan.

Dalam kertas kerja itu pada keseluruhan-nya telah menyentuh terhadap dasar pelajaran di-Brunei yang mana semua mata pelajaran di-Brunei telah di-titik-beratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari sa-rendah2 pelajaran hingga-lah kaperingkat Universiti. Pindek kata semua kemudahan2 pelajaran di-Brunei di-beri dengan perchuma menerusi Jabatan Pelajaran.

Jadi-nya, masalah pelajaran dan pendidikan di-Brunei tidak-lah menjadi satu perkara rumit dan berat sa-bagai mana yang di-alami oleh negara2 lain.

Ini-lah satu keistimewaan terhadap rayat dan penduduk Brunei yang dapat di-bawa dan di-banggakan di-luar negeri, bahkan kedudukan yang serba istimewa ini telah di-nikmati oleh seluruh rayat Brunei telah di-kegumi oleh negara2 yang menjadi anggota peserta dalam persidangan itu.

BELIA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh: — Awang Selamat Munap, B.A. (McGill)

Kertas kerja yang di-tulis oleh benau ini telah di-binchangkan dalam seminar belia yang berlangsung di-Pusat Belia baru2 ini.

waktu 5 tahun yang akan datang maka sa-bagian yang terosor akan terdiri daripada para belia. Oleh hal yang demikian bila kita berchakap mengenai belia dan ekonomi sabenar-nya, di-dalam konteks Brunei, kita ada-lah berchakap tentang masa-lah pekerjaan di-dalam ekonomi negara yang kaya dengan minyak dan maseh membangun bagi lepasan2 sekolah yang semakin meningkat bilangan-nya.

Dari segi teori, Kerajaan boleh mengadapi masa-lah2 pekerjaan untuk lepasan2 sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya melalui bertambahan-nya perkhidmatan2 Kerajaan bagi beberapa tahun lagi tanpa melibatkan kadar kenaikan ekonomi. Tetapi penghasilan minyak dan gas bukan-lah satu sumber ekonomi yang tetap dan bertambah-nya perkhidmatan2 Kerajaan, meskipun memberi jawapan bagi masa-lah pekerjaan di-dalam jangka waktu yang pendek, akan satu2-nya merupakan hanya satu langkah sementara yang tidak akan menyelesaikan masa-lah itu di-dalam jangka waktu yang panjang. Kalau-lah langkah ini di-gunakan bagi selama2-nya akibat-nya ia-lah kadar perbelanjaan tahunan yang semakin meningkat pada tiap2 tahun dan lambat laun satu ketika akan sampai di-mana simpanan2 wang Kerajaan di-luar negeri akan terpaksa di-gunakan untuk membiayai perkhidmatan2 Kerajaan. Saya perchaya bahawa tiada sa-buah negara di-dunia ini, di-mana pimpinan-nya bijak, akan merenungkan kemerosotan ekonomi seperti itu.

Oleh hal yang demikian Rancangan Kemajuan Negara yang baru yang masa ini sedang giat disusun hendak-lah di-pandang-fahamkan di-dalam konteks perjalanan ekonomi negara ini seperti yang di-rengkaskan di-atas. Tidak-lah shak lagi bahawa sememangnya-lah mustahak untuk mengadakan peluang2 bekerja untuk lepasan2 sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya tetapi mesti-lah juga di-sedari oleh semua lapisan masyarakat di-negeri ini bahawa peluang2 yang sa-demikian hanya-lah, pada bahagian besar-nya, boleh di-adakan melalui pelbagai ekonomi negara terutama sekali menerusi kemajuan pertanian dan perindustrian. Sebarang kemajuan yang kurang daripada ini tidak akan menyelesaikan masa-lah2 yang ada dan akan ada yang berpuncha daripada ketiada-saimbangan antara sektor2 ekonomi dan antara permintaan dan bekalan peluang2 berkerja.

Masa-lah-nya ia-lah masa-lah membela ekonomi dan peranan para belia di-dalam rancangan pelbagaian ekonomi pada masa yang akan datang. Dengan satu pasaran dalam negeri yang terhad, kekurangan kemahiran2 teknikal dan managerial nampak-nya negeri ini tidak mempunyai jalan lain di-dalam strategi kemajuannya sa-lain daripada berorientasikan eksport dan bertumpu kepada sektor persendirian, sama ada dari dalam dan luar negeri, untuk memenohi tujuan besar rancangan-nya. Tetapi, walau bagaimana pun strategi ini juga menghendaki suasana pelaburan yang menggalakkan yang mana satu kumpulan para pekerja yang mahir lagi berdisiplin ada-lah satu daripada syarat2 mutlak-nya. Oleh hal yang demikian soal-nya ia-lah: apa-kah kumpulan para pekerja yang akan datang, yang ma-

na sabanagian terbesar-nya akan terdiri daripada para belia sendiri, akan mempunyai kemahiran2 dan disiplin sa-taraf dengan para pekerja2 di-negeri lain yang sedang giat membangun.

Oleh kerana soai kemahiran dan disiplin ada-lah juga rungsi ialah an dan pendidikan ada-lah agak sukar untuk memberi jawapan yang tegas terhadap soalan di-atas bagi taedah seminar ini. Meskipun nampak-nya sistem pelajaran di-negeri ini perlu di-perbaiki untuk menjadi satu faktor yang positif di-dalam kemajuan negara, namun sudah jelas kepada kita bahawa sebarang perbaikan hanya akan mendatangkan kesan yang marjinal ka-tas lepasan2 sekolah yang akan meninggalkan sekolah di-dalam 5 tahun yang akan datang. Di-dalam lain perkataan, waau pun sistem pelajaran di-negeri ini di-perbaiki sekarang ini namun akan memakan masa yang agak panjang bagi-nya mengeluarkan satu kumpulan para pekerja yang mahir lagi berdisiplin. Seperti mana yang telah di-nyatakan tadi kebanyakan daripada orang2 muda di-negeri ini di-dapati di-kawasan2 b a n d a r. Sa-lain daripada itu pada tahun 1972 ada sa-jumlah lebeh 1,000 orang tempatan yang di-daftarkan menganggor di-bandingkan dengan kadar pekerjaan orang2 pendatang sa-ramai lebeh 10,000 orang di-negeri ini. Oleh kerana orang2 pendatang itu boleh di-dapati di-hampir2 kesemua jenis2 pekerjaan di-sektor persendirian di-negeri ini nyata-lah kepada k i t a bahawa ada masa-lah sikap yang serious di-kalangan mereka yang di-daftarkan menganggor yang mana bilangan-nya yang terbesar terdiri daripada para belia. Sebarang-nya, pengalaman penulis kertas kerja ini sendiri telah pun memastikan kenyataan yang selalu di-buat: bahawa para belia di-negeri ini lebeh chenderong kepada pekerjaan2 ringan terutama sekali di-sektor Kerajaan. Para belia yang sa-demikian bukan-lah bahan2 daripada mana satu kumpulan para pekerja yang mahir lagi berdisiplin dapat di-bentuk. Tetapi, satu penyelesaian yang chepat terhadap masa-lah sikap ini mesti-lah di-chari jika para belia di-Brunei ini akan memainkan peranan yang aktif dan menerima faedah2 yang seponoh-nya di-dalam kemajuan negara bagi 5 tahun yang akan datang. Ini ada-lah satu tanggung-jawab, di-dalam mana para belia sendiri boleh memainkan peranan yang aktif. Tetapi terutama-nya ia-nya ada-lah tanggung-jawab nasional dan negeri ini pada keseluruhan-nya hendak-lah menchurahkan tenaga dan masa yang lebeh banyak lagi ka-araf memperbaiki keadaan ini. Jika para belia yang ada hari ini dan pada masa yang akan datang merasa yang mereka tidak mempunyai hak di-dalam kemajuan negara, maka nechaya mereka akan menjadi musoh-nya.

PERHATIAN: Saya yakin bahawa jika masa-lah negara di-bentangkan dengan sejelasa2-nya, maka para belia di-negeri ini juga mempunyai keupayaan bukan sahaja untuk membuat chadangan2 bahkan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan masa-lah2 itu. **"Your action speaks louder than your words"** oleh hal yang demikian saya tidak membuat sebarang perchubahan untuk mengadakan chadangan2 yang berbutir2 ka-araf menyelesaikan masa-lah2 belia **PENGARANG.**

379 ORANG CHALUN MASOK PEREKSA HSC TAHUN INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 379 orang chalun termasuk 179 chalun2 persendirian akan mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan tahun ini.

Dari jumlah itu, sa-ramai 110 ada-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin; 33 dari Sekolah Saint Michael, Seria; 83 dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan 14 dari Sekolah Menengah Arab.

Jumlah 97 orang chalun dari

Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Menengah Arab akan mengambil peperiksaan tersebut dalam aliran Melayu.

Peperiksaan itu akan di-adakan di-tiga buah pusat peperiksaan ia-itu di-Maktab S.O.A.S., Bandar Seri Begawan; Maktab Anthony Abell, Seria dan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

Peperiksaan bertulis akan bermula dari 8hb. hingga 30hb. November.



Semangat "memuchang2" hendak-lah di-semadikan dan di-praktikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Di-Pertua Persatuan Belia Sumbiling, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain telah menyeru ahli2 persatuan itu supaya mengeratkan perhubungan dan bekerjasama dengan semua belia2 dalam mendukung hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk mengambil bahagian yang aktif dalam Rancangan Kemajuan Negara.

Berucap kepada 80 orang ahli di-pembukaan rasmi Mashuarat Agong kali kelima persatuan itu, Yang Berhormat menekankan di-samping belia2 melibatkan diri dalam perkara2 pembangunan belia2 juga seharusnya mengambil bahagian chergas dalam bidang2 socio-ekonomi, kebudayaan dan kesukanan.

Ketika menyentoh semangat yang di-warit dari datok nenek kita dahulu, Yang Berhormat mengharapkan supaya semangat

demikian hendak-lah di-semadikan dan di-praktikan oleh semua golongan belia pada hari ini.

Berthabit dengan semangat memuchang2, Persatuan Belia Sumbiling segera menyahut seruan itu dengan sa-buat suara dan mereka akan beramai2 menabas tempat yang akan di-jadikan kawasan untuk pembinaan stadium dekat Kolam Bernang di-Berakas.

Mashuarat itu juga telah memilih beberapa orang ahli2 Jawatan-kuasa Tertinggi bagi tahun 1973/1974.

Yang Di-Pertua — Y.B. Pehin O.K. Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain; **Naib Yang Di-Pertua**; — Awang Ahmad bin P.O.K. Di-Gadong; **Setia Usaha Agong** — Ak. Suhaimi b. Pg. Wahid; **Pengerusi** — Awg. Abd. Kadir bin Chiku; **Naib Setia Usaha Agong** — Awg. Md. Tamin b. Abdullah; **Bendahari Agong** — Awang Ahmad b. Hitam dan **Penolong Bendahari** — Dy. Norzannah bte. Abd. Hamid.

Y.A.M. Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Anak Haji Abdul Aziz sedang menyampaikan hadiah wang tunai kepada **Awangku Muhammad bin Pengiran Duraman**, pemenang kedua peraduan melukis kumpulan 'B' bersempena hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan.

Majlis penyampaian hadiah itu telah di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka bersempena pembukaan rasmi Pameran Seni Lukis Kebangsaan Brunei Pertama yang berlangsung pada hari Rabu lepas.

Sedang memerhati di-tengah2 ialah Pegawai Brunei-Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, selaku Pengerusi J/K Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-27 tahun.

ISTIADAT BERSUROH

(Dari muka 1)

Pardana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammed Bolkiah.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-Istiadat itu termasuklah Penasehat Umum kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa, Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Y.T.M. Seri Paduka Wazir2; Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria; Pengiran2 dan Pehin2.

Istiadat itu telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Utama Awg. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Permainan gasing harus di-hidupkan semula

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar berkata permainan gasing merupakan salah satu aktiviti sukan yang penoh keharmonian mengandungi nilai2 peribadi bangsa Melayu yang harus di-hidupkan untuk di-perkenalkan kepada masyarakat umum.

Kata-nya, permainan gasing yang menjadi salah satu cabang kebudayaan orang2 Melayu sudah di-pandang sepi oleh sa-tengah golongan jenerasi muda sekarang dan sebab itu ia-nya haruslah di-hidupkan sa-mula supaya kebudayaan kita orang2 Melayu tidak akan pudar begitu saja.

Pegawai Daerah Tutong telah berkata demikian sa-masa melancarkan pembukaan rasmi perlawanan gasing peringkat akhir antara Kampong Bukit Sulang dengan Kampong Bukit Panggal yang berlangsung di-Pantai Seri Kenangan, Tutong, pada hari Ahad minggu lalu.

Awang Abdullah berharap sharat2 perlawanan gasing haruslah di-perbaharui sesuai dengan peradaran zaman sains dan teknologi.

Beliau juga menyeru kepada mereka yang berminat dalam permainan gasing supaya mengadakan

terus di-kampung2 Daerah Tutong yang tidak hanya terhad di-Pantai Seri Kenangan saja.

Terdahulu sa-belum itu, Pengerusi Perlawatan, Awang Haji Ahim bin Ibrahim mengucapkan terima kasih kepada semua pasokan yang mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Keputusan perlawanan ada-lah seperti berikut:

Pasokan Kampong Bukit Sulang telah munculkan sa-bagai johan dan berjaya memenangi Oskar yang di-hadiahkan oleh pegawai2 dan kaki tangan pejabat2 kerajaan Tutong.

Naib johan jatuh kepada pasokan Kampong Bukit Panggal.

Pemukul terbaik bahagian perseorangan: Pertama di-menangi oleh Awang Kula bin Sitam dari Kampong Bukit Sulang, kedua Awang Abdul Hadi bin Haji Rashid dari Kampong Sinaut dan ketiga Awang Baha bin Bungsu dari Kampong Bukit Panggal.

Penahan terbaik: — Pertama di-menangi oleh Awang Aya bin Hidup dari Kampong Bukit Panggal; kedua Awang Untong bin Abdul Rahim dari pejabat2 kerajaan Daerah Tutong dan ketiga Ag. Wahid bin Dollah dari Kampong Kupang.

Gasing yang ligat di-menangi oleh Awang Bakar bin Haji Tammat dari Kampong Bukit Sulang sementara bermain terbaik dan bertata tertib di-menangi oleh Awg. Sidek bin Shawal dari Kampong Bukit Sulang.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim dan Awang Chong Seng Toh.



Pemain2 gasing pasokan Kampong Bukit Sulang dan Kampong Bukit Panggal bergambar ramai dengan piala dan hadiah kemenangan mereka dalam peraduan permainan gasing yang telah di-adakan di-Pantai Seri Kenangan baru2 ini.

Pancharagam AMDB

(Dari muka 2)

Sa-belum memasoki Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, Bandsman Ak. Md. Salleh memang sudah boleh bermain alat muzik, ia-itu sa-masa menjadi pemain drum dalam Kugiran EXPO. Kegiatan drum kugiran ini-lah



Cpl. Pg. Patera Pg. Anak Hashim,

yang mendorong Bandsman Ak. Md. Salleh untuk memasoki Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei.

Bandsman Ak. Md. Salleh telah di-pilih untuk mengikuti kursus muzik sa-lama sa-tahun di-England dalam bulan September yang akan datang.

Sa-telah kita mengikuti penerangan2 dari anggota2 Pancharagam AMDB, mungkin ada juga



Bandsman Ak. Salleh.

yang ingin mengetahui bagaimana-kah pengambilan rekrut2 untuk Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei di-jalankan?

Biasa-nya orang2 baru atau rekrut di-pilih dari anggota2 Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei. Jika ada orang2 baru di-kehendak, maka jawatan2 itu akan di-iklankan dan orang2 baru akan di-pilih dari pemohon2 itu.



L/Cpl. Ak. Razali bin Pg. Mohd. Said.

Pereksa menaip dan trengkas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peperiksaan trengkas dan menaip anjoran Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kekelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa akan di-adakan dalam pertengahan bulan Disember tahun ini.

Peperiksaan menaip akan di-adakan pada 14hb. Disember, trengkas pada 15hb. Disember dan steno dan simpan-kira2 pada 16hb. Disember.

Bayaran bagi memasoki peperiksaan trengkas permulaan ialah \$10.00; menengah \$12.00 dan tertinggi \$15.00. Menaip permulaan \$8.00; menengah \$10.00 dan tertinggi \$12.00, steno junior \$12.00; steno senior \$15.00, simpan-kira2 permulaan \$10.00; menengah \$12.00 dan tertinggi \$15.00.

Bayaran bagi menaip ujian kepantasan bahagian menengah dan tertinggi masing2 di-kenakan \$5.00.

Semua peperiksaan itu di-jalankan dalam dua aliran bahasa iaitu Melayu dan Inggeris.

Borang2 bagi menyertai peperiksaan itu sekarang boleh di-dapati dari Guru2 Trengkas dan Menaip atau di-Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Semua borang2 itu hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 22hb. September, 1973.



Pameran hasil kerja tangan U.R.T.

Satu pameran hasil kerja tangan pelajar2 dewasa urusan rumah tangga di-Daerah Belait telah di-adakan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam baru2 ini. Pameran tersebut di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa ia-itu sa-bagai salah satu acara perayaan bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-27 tahun bagi Daerah Belait.

Pameran tersebut telah di-rasmikan oleh Dayang Salmah bin Morshidi, isteri Penulong Pegawai Daerah Belait, Awang Yahya bin Haji Harris manakala hadiah2 telah di-sampaikan oleh Dayang Siti Amnah binte Abdullah, isteri Yang Berhormat Awang Haji Sepawi bin Metussin.

Gambar atas menunjukkan orang ramai ketika menyaksikan sa-bahagian hasil kerja tangan yang telah di-pamerkan pada hari itu.

Jawatan2 kosong dalam sektor2 persendirian

BERIKUT ini ia-lah beberapa kekosongan dalam sektor persendirian di-negeri ini yang di-ku-luarkan oleh Jabatan Buroh — Bahagian Pertukaran Pekerjaan yang menghendaki buroh2 atau pekerja2 yang mempunyai kemahiran dan berpengalaman. Pemohon2 yang terdiri dari anak2 tempatan yang ingin memohon kerja2 itu boleh-lah datang ke-Pejabat Buroh Bahagian Pertukaran Pekerjaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 10hb. September, 1973.

LEE ENTERPRISES CO, P.O. BOX 330 BSB. — mempunyai satu jawatan kosong sa-bagai **Tukang paip ayer** (paip plumber).

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal membuat kerja2 paip ayer yang di-sifatkan sa-bagai mahir. Boleh membuat kerja2 memberseht septic tank dan lain2 yang serupa.

Gaji:

Bergantung kepada pengalaman.

KONG TAI CO, B-2, JALAN ROBERTS, BSB. — mempunyai satu jawatan kosong sa-bagai **Mekanik Radio & TV.**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman luas dalam memperbaiki radio dan TV.

Chalun2 akan di-temu duga. Bono juga akan di-beri sa-telah berkhidmat genap sa-tahun.

Gaji:

Antara \$300.00 hingga \$500.00. Gaji bergantung kepada kebolehan dan pengalaman.

EASTERN TAILOR, P.O. BOX 495, BSB.

(i) **Tukang membuat baju (kod)** (1 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 10 tahun dalam bidang membuat baju (kod).

(ii) **Tukang memotong baju** (1 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 10 tahun dalam bidang membuat baju (putong memotong).

(iii) **Tukang jahit seluar** (3 ja-

watan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 8 tahun dalam jahit menjahit kain jenis tuit dan jahitan2 yang halus.

(iv) **Tukang jahit biasa** (1 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 6 tahun dalam hal jahit menjahit seluar.

Gaji:

Bagi jawatan2 itu bergantung kepada pengalaman dan kemahiran serta kebolehan.

TAN TAILOR, 58, JALAN BUNGA KUNING, SERIA.

(i) **Tukang jahit (Memotong).** (1 jawatan). Pemohon2 jawatan ini mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 7 tahun dalam hal putong memotong baju dan seluar.

Gaji:

\$360.00 sa-bulan.

(ii) **Tukang Jahit** (2 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 6 tahun dalam hal jahit menjahit seluar lelaki.

Gaji:

\$220.00 sabulan.

SOON LEE BRICKWORKS, SENGKURONG:

(i) **Brick Burner cum Foreman.** (1 jawatan). Pemohon2 mesti-lah berpengalaman sekurang2-nya 10 tahun dalam hal membuat dan menyelenggarakan batu bata. Boleh mengatorkan dan memberi tunjok ajar kepada pekerja2, istimewa dalam chara2 memasak2 batu bata dan seumpama-nya. Pandai berbahasa Melayu dan China adalah satu keistimewaan.

(ii) **Pekerja membuat batu bata (brick workers)** (6 jawatan). Pemohon2 hendak-lah sa-orang yang benar2 berkebolehan dan suka bekerja dan sedia untuk bekerja berat membuat batu bata. Sekurang2-nya berpengalaman 4

tahun dalam hal membuat batu bata mempunyai kecekapan dan boleh sedikit2 menjalankan engine dan hendak-lah bekerja dengan rajin.

Gaji:

Gaji jawatan2 itu ada-lah bergantung kepada kebolehan dan pengalaman serta kecekapan.

KAMIL HASAN DAN ANAK2, BERAKAS KEM, AMDB — mempunyai jawatan kosong sa-bagai **Tukang Jahit** (8 kekosongan).

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman dalam hal jahit menjahit sekurang2-nya 5 tahun atau boleh menjahit seluar dan baju.

Gaji:

\$7.00 sa-hari. Sukatan gaji bergantung kepada kemahiran dan pengalaman.

(ii) **Buroh di-bahagian mendobi kain2 baji** (menchuchi pakaian seragam) (9 kekosongan).

Pemohon2 hendak-lah sanggup bekerja keras bagi menyuci dan menjemorkan pakaian2 seragam askar di-Berakas Kem.

Gaji:

\$6.50 atau \$7.00 sa-hari. Lebih masa bekerja akan di-bayar.

FUNG FOCK CHOON, BATU 2, JALAN GADONG.

(i) **Pemandu Truck** (1 kekosongan). Pemohon2 hendak-lah memiliki lesen memandu kelas V dan mempunyai pengalaman sedikit2 tentang membaiki engin2 track (kerosakan ringan).

(ii) **Pemandu Tractor** (3 kekosongan). Pemohon2 hendak-lah memiliki lesen memandu kelas 5, 10 atau 11 serta mempunyai pengalaman dalam hal meruntuh dan menyurong serta meratati tanah sekurang2-nya 3 atau 4 tahun.

Gaji:

Gaji bagi kedua2 kekosongan itu bergantung kepada pengalaman dan kebolehan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI MERINYU KESIHATAN PERCHUBAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantik ka-jawatan Merinyu Kesihatan Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun, dan telah lulus peperiksaan Sijil Perseko'ahan Sebarang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris salah satu matapelajaran Sains atau Sains 'Am.

Pemohon2 yang mempunyai S.A.P. dengan mendapat kelulusan dalam matapelajaran2 yang berkenaan boleh di-pertimbangan untuk lantikan ini.

Gaji:

Merinyu Kesihatan Perchubaaan akan di-tempatkan dalam sukatan gaji D.1 EB. 2 — \$230x10-280/EB/290x15-380, dan peluang untuk meningkat ka-jawatan2 yang lebih tinggi ada-lah seperti berikut:-
Merinyu Kesihatan — D.3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660.

Merinyu Kesihatan Kanan — C.2 — \$710x30-950.

Ketua Merinyu Kesihatan — C.3 EB. 4 — \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280.

Penyelia Merinyu2 Kesihatan — B. 2 — \$1090x50-1140x40-1300 x60-1360x40-1520x60-1580x40-1740.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang terpilih akan di-lantik dalam perchubaaan sa-lama 3 tahun dalam tempoh itu mereka hendak-lah mendapatkan sijil2 Royal Society of Health dalam tempoh ini. Chalun2 akan di-

hantar berlatih di-Singapura di-atas perbelanjaan Kerajaan.

Sa-seorang hendak-lah menghantar permohonan2nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap. Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Pegawai Imigresen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Chalun2 yang di-lantik mes-

ti-lah berumur 18 tahun dan 25 tahun.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan2nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 dan sijil2 tidak lewat dari 30hb. Oktober, 1973.

SA-BAGAI PENJAGA ASRAMA JURURAWAT

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkecakapan untuk memenohi jawatan Penjaga Asrama Jururawat Kerajaan, Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah sekurang2nya lulus Form III Inggeris dan keutamaan akan di-beri kepada perempuan2 yang maseh bujang.
- Umur — mesti-lah lebih daripada 35 tahun.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal mengurus sa-buah asrama dan mempunyai pengalaman dalam kerja menguruskan makanan bagi kaki tangan.

Tugas2:

Mengawasi kaki-tangan2 yang menginap di-asrama dan menguruskan makanan bagi lebih kurang 60 orang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — \$410x20-510-540x20-660/EB/690x20-750. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Bakiss:

Bagi sa-seorang calon yang di-lantik sa-chara berkontrek bakiss sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 lantikan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama

3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi calon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 mengenai sharat2 per-

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Bagi Mesjid Sungai Ubar, Dae-rah Belait. —(1 jawatan).

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kephay bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 2 — \$220x10-390-410x10-430.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan2nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 20hb. Oktober, 1973.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pekerja2 bergaji hari yang sedang berkhidmat dengan Jabatan2 Kerajaan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Juru Mesin (mechanic) di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Sa-bagai Juru Mesin

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah raayat D.Y.M.M. Sultan.
- Pemohon mesti-lah berumur antara 18 dan 30 tahun dan tahu menulis dan membaca.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dan kebolehan bagi memperbaiki enjin motor sangkut out-board engine), Homelite generator, alat pembesar suara public address system) dan kenderaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.

Sa-bagai Pengarang

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pengarang di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sebanding dengannya.
- Mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang baik.
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hal mengarang buku.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan Laporan2 Sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb. September, 1973.

khidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb. Oktober, 1973.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- IMAM (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Kupang, Tutong.
- (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Sinat, Tutong.
- (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Menengah, Tutong.
- MERBUT (2 jawatan) — Bagi Mesjid Hassanah Bol-kiah, Tutong.
- BILAL (2 jawatan) — Bagi Mesjid Setia Ali, Muara.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal

Ehwal Ugama, Brunei.

- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kephay bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah seperti berikut:-
Jawatan IMAM — U.4 — \$280x 10-390-410x10-560.
Jawatan BILAL — U.2 — \$220x 10-390-410x10-430.
Jawatan MERBUT — U.1 — \$190x5-230-240-10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan2nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 13hb. Oktober, 1973.

Kedaulatan Brunei mesti di-pelihara

LUMAPAS. — Y.B. Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Mohamed Yusof berpendapat bahawa sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan mengabadikan kita semua dengan pengertian tentang hidup yang di-kandung adat serta kesetiaan kepada lambang penyatuan seluruh rakyat dan penduduk negeri ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain berkata demikian sa-belum merasmikan perayaan sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-27 tahun di-Sekolah Melayu Lumapas.

Yang Berhormat itu antara lain menerangkan taat setia ia-lah dengan mempunyai perasaan tanggung-jawab yang tidak berbelah bagi terhadap raja, agama, negara dan bangsa.

Yang Berhormat itu berkata, Brunei yang telah kita waritah dan akan wariskan mesti-lah di-jaga semuga kedaulatan, kemuliaan, kesentosaan, kemewahan dan keharmonian-nya tidak akan di-chaboli.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain menjelaskan Brunei sentiasa sedia menerima perubahan demi untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk-nya menerusi saluran2 yang tertentu, ia-itu jentera2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Kata-nya, dengan anugerah Baginda, maka terbentuk-lah Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru di-mana terjalih segala pergerakan dan penyatuan tenaga dan usaha untuk kepentingan semua yang mempunyai hati yang ikhlas dan suci morn di-bawah naogan panji2 negara Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Yang Berhormat berharap seluruh rakyat akan memberi sumbangan tenaga demi untuk menajayakan Rancangan Kemajuan Negara kerana sumbangan kita semua lebeh2 di-kehendaki daripada sumbangan negara kepada kita.



Y.B. Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain berucap sa-belum merasmikan perayaan hari keputeraan D.Y.M.M. di-Kampung Lumapas.

Kemajuan senilukis tempatan

(Dari muka 1)

peraduan pameran itu, dan kepada mereka yang kurang baik Yang Amat Mulia mengharapkan supaya mereka bergiat lagi dalam usaha mereka pada masa akan datang.

Terdahulu sa-belum itu, Pengerusi Pameran, Awang Salleh bin Ibrahim dalam ucapan-nya antara lain telah menegaskan bahawa pameran itu di-adakan bertujuan untuk menchari dan menchongkil sa-jauh mana perkembangan kemajuan seni lukis tempatan dalam daya pemikiran mereka untuk menghasilkan karya2 seni yang bernilai.

Peraduan Pameran Seni Lukis itu di-adakan ada-lah sa-bagai sa-bahagian dari acara bagi menyambut puja usia yang ke-27 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-bawah anjuran Jawatankuasa Tertinggi Perayaan.

Di-antara yang hadir di-upacara itu termasuk-lah Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan bagi Daerah Brunei/Muara.

Sa-banyak 90 buah lukisan dari 202 buah yang terpilih dalam peraduan pameran itu telah dipamerkan.

Pameran sa-lama sa-minggu itu berakhir hari ini.

LAMUNIN SESUAI KAWASAN PERTANIAN SHOR2 DI-BUAT MEMPERBAIKI PASARAN

LAMUNIN. — Pengarah Pertanian Awang R.B. Woodrooffe berkata bahawa Jabatan Pertanian ujud ia-lah untuk menolong peladang2 dalam usaha2 pertanian dan pertolongan yang di-berikan ada-lah meluas dan berbedza dari sa-orang peladang kepada peladang yang lain.

Masa2 ah2 peladang hanya dapat di-beri pertolongan jika peladang itu sendiri memberi tahu kesulitan2 mereka kepada Pegawai2 Pertanian.

Isi ucapan Pengarah Pertanian itu telah di-bachakan oleh Awang Abd. Hamid bin Jaafar, Timbalan Pengarah Pertanian ketika berucap di-Pertunjukan Pertanian kali ke-V Daerah Tutong yang di-adakan di-Sekolah Melayu Lamunin pada hari Sabtu.

Tanah2 mesti di-usahakan

LAMUNIN. — Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar telah menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sentiasa berazam dengan sepenoh-nya untuk meninggikan taraf hidup dan ekonomi rakyat dan penduduk sama ada di-bandar2 atau di-daerah pedalaman dengan menyalorkan berbagai projek perkembangan tertentu melalui Jabatan2 berkenaan.

Pegawai Daerah itu telah berkata demikian ketika beliau merasmikan Pertunjukan Pertanian kali ke-V Daerah Tutong yang berlangsung di-Sekolah Melayu Lamunin pada pagi Sabtu lalu.

Awang Abdullah menekankan, Kerajaan pada masa ini sedang memesatkan perkembangan seperti membina jalan2 kecil untuk kemudahan perhubungan, menyediakan bekalan ayer dan letrik, dan lain2 kemudahan seperti membina balai2 raya untuk di-jadikan klinik dan tempat mashuarat.

Kata-nya, Jabatan Pertanian telah memberi beberapa kemudahan tertentu seperti mengadakan bantuan baja dengan sa-paroh harga, memberikan rachun bagi menchehag dan mengawal musoh tanaman dan ternakan serta bantuan2 lain yang berupa teori dan praktikal.

Pegawai Daerah itu juga menjelaskan bahawa Kerajaan telah dan sedang berusaha memberi tanah sa-chara berlesen tetap atau lesen tumpang sementara, beliau mengharapkan supaya tuan2 punya tanah itu akan mengusahakan sendiri dengan baik serta mendatangi sa-barang hasil yang memuaskan.

Beliau berkata, kawasan tamu juga telah di-sediakan di-mana peladang2 boleh menjual sa-chara langsung hasil usaha mereka sendiri.

Awang R.B. Woodrooffe menyatakan perasaan dukachita-nya kerana tidak dapat hadir pada hari itu kerana kerja2 lain yang banyak memerlukan-nya.

Dalam ucapan-nya yang di-bachakan oleh Awang Abd. Hamid bin Jaafar itu, Pengarah Pertanian menjelaskan bahawa beliau sendiri telah banyak menumpukan masa bersama2 dengan rakan2 sejawat dari Jawatankuasa Kechil Pertanian, Perikanan dan Kehutanan dalam hal menilai chadangan2 untuk perkembangan sumber2 pertanian dan sumber2 asli yang lain di-Brunei dalam jangka waktu Rancangan Kemajuan yang akan datang.

Dalam menjalankan kerja2 itu, kata-nya, mereka telah di-beri kesan yang baik oleh berbagai2 usaha pertanian yang boleh di-jalankan di-Daerah Tutong terutama sekali di-sekitar Kampong Lamunin.

Banyak chadangan2 yang sangat menarik telah pun di-kemukakan kepada Jawatankuasa Peranchang yang akan membantu peladang2 dari Daerah Tutong untuk memodenkan usaha2 pertanian mereka.

Pengarah Pertanian itu berharap akan dapat membantu peadangan2 dalam menambah hasil jenis2 tanaman yang biasa di-usahakan mereka seperti padi, ubi kayu dan pisang dan juga untuk mengenalkan peluang2 baru dalam jenis2 tanaman seperti kelapa, kopi dan kelapa sawit serta dalam pengeluaran binatang2 ternakan lembu dan kerbau.

Kata-nya, Jabatan Pertanian chukop memahami betapa mustahak-nya tanah dan sistem pemilikan-nya kepada peladang2 dan Jabatan itu juga telah membuat shor2 yang tertentu kepada Kerajaan untuk menentukan yang perkara itu tidak akan menjadi penghalang kepada peladang2 yang tekun berusaha.

Jabatan Pertanian telah memahami bahawa peladang2 mesti menjual hasil2 pertanian mereka kepada orang ramai, oleh kerana itu Jabatan Pertanian telah membuat shor2 untuk memperbaiki pasaran dan alat2 memproses untuk hasil2 tanaman dan binatang2 ternakan mereka.

Awang R.B. Woodrooffe menfatkan pertunjukan pada hari itu menandakan permulaan zaman kemajuan baru dalam bidang pertanian di-Brunei dan beliau berharap banyak buah2 fikiran yang baru sudah mula bertumbuh dan menjadi subur.

Pengarah Pertanian itu juga memberikan chogan kata 'DI-MANA ADA MASAALAH PERTANIAN DI-SITU ADA PERTULONGAN DARI JABATAN PERTANIAN'.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

D.Y.M.M. merasmikan Sekolah Anak2 Anggota Tentera

(Dari Muka 1)

kan tembakan dengan menggunakan 120mm combat anti-tank gun.

Turut menyaksikan latsahan itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolkihah dan Yang Teramat Berhormat Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M.

Pada sebelah tengah hari-nya, Duli Yang Maha Mulia berangkat pula ka-Kuala Belait dan merasmikan pembukaan Sekolah Anak2 Anggota Tentera di-batu 4½, Jalan Seria/Belait.

Sekolah tersebut telah di-bina dalam bulan September tahun la-

lu dan siap pembinaan-nya dalam bulan April tahun ini.

Sekolah tersebut mengandungi dua buah bilek darjah utama, sa-buah bilek pertukangan tangan, sa-buah bilek perkumpulan, sa-buah bilek tempat kanak2 bermain, bilek pejabat dan khutub khandah.

Sekolah yang mempunyai 32 orang murid berumur di-antara lima dan 11 tahun itu ada-lah di-bawah jagaan dua orang guru.

Sa-telah selesai upacara tersebut, Duli Yang Maha Mulia dan jemputan2 khas telah di-bawa untuk menyaksikan ka-beberapa bahagian sekolah tersebut.

Antara pembesar2 negara yang hadir di-upacara itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter

Gautrey; D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana

Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Muda Mohammad Bolkihah; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M.; Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Pmk. Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin; Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Utama Awang John Lee; Pengarah Kerja Raya, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish dan Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato A.D. Bumford.